

01 NOV 2002

Mahathir-Puteri

MAHATHIR INGATKAN PUTERI JANGAN ABAI TANGGUNGJAWAB DI RUMAH

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota Pergerakan Puteri Umno supaya dapat mengimbangi antara peranan mereka dalam meneruskan perjuangan parti dan tanggungjawab sebagai ibu dan terhadap keluarga masing-masing.

Perdana Menteri berkata anggota Puteri yang terdiri daripada generasi muda bukan sahaja perlu bergerak cergas dalam politik tetapi juga untuk memupuk budaya baru supaya generasi akan datang lebih berjaya.

Beliau berkata anggota pergerakan itu kini mempunyai peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dalam urusan rumah tangga berikutan keadaan semasa golongan bapa, khususnya di kalangan orang Melayu, yang kurang cemerlang berbanding wanita.

"Kita tidak boleh berharap sangat pada kaum bapa sekarang ini dan kita berharap kepada kaum ibu. Sebagai Puteri tanggungjawabnya adalah lebih daripada kaum bapa untuk mencorakkan budaya anak-anak kita supaya lebih sesuai dengan kemajuan dan kejayaan," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno semasa berucap merasmikan perhimpunan agung Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Perhimpunan agung pergerakan itu adalah yang pertama kali diadakan bagi pemilihan anggota jawatankuasa Puteri Umno. Pergerakan itu disahkan sebagai entiti baru Umno pada perhimpunan agung parti itu 20 Jun lepas.

Dr Mahathir berkata wanita di negara ini perlu mendidik anak mereka dengan nilai hidup yang mulia dan yang menuju ke arah kejayaan terutamanya berhubung kesanggupan bekerja keras untuk menjayakan diri di samping disiplin diri yang tinggi.

"Sementara kita hendak Puteri bergerak cergas dalam arena politik, jangan abaikan tanggungjawab di rumah untuk mendidik anak supaya mereka boleh menjadi orang Melayu yang mampu mencatat kejayaan," katanya.

Dr Mahathir, yang berulang kali mengulangi supaya tanggungjawab itu tidak diketepikan, melahirkan keyakinan bahawa wanita di negara ini boleh memikul kedua-dua beban berkenaan demi perjuangan bangsa.

Beliau berkata hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 bukanlah sesuatu yang mudah tetapi juga bukan sesuatu yang mustahil.

Katanya rakyat negara ini, khususnya orang Melayu mempunyai kecekapan dan kebolehan diri untuk maju dan mencatat kejayaan tetapi yang menjadi masalah ialah budaya orang Melayu yang tidak mahu memperalatkan kebolehan diri, terutamanya di kalangan lelakinya.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa kecewanya kerana orang Melayu yang mempunyai kebolehan tidak mahu menggunakan dan memperalatkan kebolehan mereka untuk mencapai kejayaan.

Ketika mengimbas kembali penubuhan Puteri Umno, beliau berkata entiti baru parti itu amat penting bagi membolehkan generasi muda khususnya wanita aktif dalam politik dan meluahkan pandangan serta pendapat mereka.

Walaupun Umno yang telah mempunyai Pergerakan Wanita Umno bagi mewakili wanita, beliau berkata hakikat bahawa golongan muda berasa kekok dan segan untuk bergaul sama dengan golongan wanita yang berumur mestilah diterima.

"Puteri Umno memberikan peluang kepada generasi muda menyertai Umno dan mereka tidak berasa kekok dan segan apabila berada di dalam golongan generasi yang sama. Mereka berasa bebas," katanya sambil melahirkan keyakinan bahawa pergerakan itu akan menjadi satu sayap parti yang penting untuk meneruskan perjuangan parti.

Katanya pergerakan itu kini menjadi ancaman besar kepada parti

pembangkok sehingga terdapat arahan supaya setiap tindakan Puteri Umno itu diawasi.

Sambil mengingatkan kembali sejarah penubuhan Umno 56 tahun lepas, Presiden Umno itu berkata ramai orang Melayu kini tidak lagi berasa terhutang budi dengan parti yang memperjuangkan bangsa dan kemerdekaan negara sehingga seolah-olah berasa tidak perlu lagi kuasa politik, dan menanggap dirinya telah berjaya.

"Inilah hakikatnya sekarang sehingga kadang-kala amat sukar untuk mengingatkan mereka tentang pentingnya Umno. Dalam suasana begini, sukar untuk kita menarik sokongan mereka tetapi kita percaya dengan sokongan generasi muda, mereka akan lebih memahami pentingnya meneruskan perjuangan bangsa," katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan anggota Puteri Umno bahawa mereka juga akan meningkat tua dan akan berada dalam generasi kepimpinan Umno yang akan mempunyai cabaran dan rintangan politik yang mencabar.

Sebagai parti yang demokratik, beliau berkata anggota Umno boleh bertanding untuk memegang jawatan tetapi ia mestilah dijalankan secara tertib dan mengikut peraturan.

"Kita tidak mengizinkan jenayah dan salah guna kuasa tetapi seseorang itu tidak bersalah selagi ia tidak dibuktikan bersalah. Bagi saya, sehingga dibuktikan kesalahan sesuatu pihak, ia (pihak yang dituduh) tidak salah jika mengambil bahagian dalam politik dan ia berhak untuk mendapat tempat," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan anggota Puteri supaya meneruskan kegiatan politik mereka dengan menyertai Wanita Umno apabila sudah tiba had usia 35 tahun supaya penyertaan politik mereka menjadi lebih bermakna.

"Kalau teruskan (penglibatan diri) dalam gerakan Wanita, penyertaan Puteri akan menjadi lebih bermakna dan beri pula bimbingan kepada Puteri. Perjuangan parti dapat diteruskan," katanya.

-- BERNAMA

HS HS NMO